SAMPEL PERCUMA

Soalan UPSA Bahasa Melayu Tingkatan 1 2026

Set penuh: UPSA T1–3

Tingkatan 1

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Folder ikut tingkatan: BM, English, Sejarah, Matematik, Sains, Geografi
- UPSA BM 2026 SMK Bako (K1, K2, K3)
- UPSA Sejarah 2026 Kepala Batas T1 & T3 + skema

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/upsa-tingkatan-1-3 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA) 2026

BAHASA MELAYU (TINGKATAN 1)

KERTAS 1

1 jam 30 minit

Nama		**Bahagian**	**Markah**	
		A		
Tingkatan		**B**		
		C		

BAHAGIAN A

[15 *markah*]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 Semua _____ yang mengambil bahagian dalam acara berjalan 10 000 langkah itu diberikan nombor sebelum pertandingan bermula.

A peserta
B penonton
C penganjur
D pengunjung

2 "_____, mangsa kebakaran itu tinggal sehelai sepinggang sahaja apabila kediaman mereka musnah dalam kebakaran!" kata Aina.

A Oh
B Aduh
C Aduhai
D Kasihan

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** *dengan betul.*

3 I Vakum robot yang berbentuk *bulat* itu tidak dapat membersihkan habuk dan kotoran di sudut-sudut ruangan.
II Penduduk *bulat* suara membantah projek pembinaan tapak pelupusan sampah itu.
III Dia *bulat* fikiran untuk mengikuti kursus kecerdasan buatan (AI) itu.
IV Ubat itu ditelannya secara *bulat*.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

4 I Amran beralih kepada kereta elektrik pada *awal* tahun lepas.
II Pada *awal* pagi lagi, orang ramai berduyun-duyun masuk ke dalam dewan pameran robotik itu.
III Sistem solar memerlukan kos pemasangan *awal* yang agak tinggi.
IV Dia memberikan bayaran *awal* untuk sistem rumah pintar yang canggih itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6
Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak.**
Tandakan sama ada **A, B** atau **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan.**

5 Pelbagai karya-karya sastera dan buku cerita kanak-kanak antara genre buku yang paling laris jualannya dalam Pesta Buku itu.
A Pelbagai karya sastera
B Karya sastera-karya sastera
C Pelbagai karya sastera-karya sastera
D Pelbagai karya-karya sastera

6 Antara cara-cara menjaga kesihatan diri yang betul termasuklah menjaga kebersihan diri dan berehat secukupnya.
A Antara cara
B Antara semua cara
C Di antara cara-cara
D Antara cara-cara

Soalan 7 – 8
Pilih ayat-ayat yang **betul.**

7 I Kerjaya impian kamu apakah?
II Tingkah lakunya yang sopan santun disenangi oleh rakan-rakannya.
III Cindy sanggup bekerja sambilan sementara mendapat pekerjaan tetap.
IV Aku yakin bahawa pasukan kita akan menang dalam pertandingan perbahasan esok.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

8 I Mengapa kita perlu sentiasa berwaspada semasa melayari laman sosial?
II Oh, jangan sentuh cerek panas itu!
III "Wahai murid-murid, tolong berhati-hati semasa menggunakan radas makmal sains," kata Cikgu Hamid.
IV Apakah yang perlu kita lakukan jika menjadi mangsa buli siber?
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9
Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** *atau maksud yang* **paling hampir** *dengan* **ayat yang dicetak tebal.**

9 Musim kemarau yang berlanjutan akan menyebabkan paras air di semua empangan semakin surut.
A Paras air akan surut sekiranya musim kemarau dipanjangkan.
B Paras air di semua empangan akan surut jika musim kemarau berterusan.
C Hampir semua air di empangan akan surut sekiranya musim kemarau berterusan.
D Semua empangan akan mengalami musim kemarau yang berterusan sekiranya paras air susut.

Soalan 10
Pilih **peribahasa** *yang paling* **sesuai.**

10 Senyuman ibu dan ayah _____ apabila melihat abang menerima ijazah di atas pentas pada majlis konvokesyennya.
A pahit macam ubat
B manis macam gula
C masam macam cuka
D masin macam garam

BAHAGIAN B

[30 *markah*]

1 Dalam bahan di bawah, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. *Kenal pasti* **dua** *kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.*

(i) Progrem Kempen Lestari itu dianjurkan untuk mewujudkan kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar.

_____

(ii) Banyak manafaat yang boleh kita peroleh daripada menyertai sukan lasak.

_____

2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Setelah menerima permintaan yang tinggi dari masa ke semasa, Zakaria bertekad untuk mengembangkan penternakan ikan patinnya.

_____

(ii) Batik Malaysia mempunyai keunikan tersendiri kerana mempunyai pelbagai motif-motif yang moden dan terkini.

_____

3 Baca arahan dengan teliti dan jawab semua soalan yang diberikan.
Kenal pasti **subjek** *dan* **predikat** *dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian, tulis* **subjek** *dan* **predikat** *pada ruang yang disediakan.*

(i) Pasukan bomba dan penyelamat menunjukkan cara penggunaan alat pemadam api yang betul.
Subjek : _____


Predikat : _____

(ii) Majlis rumah terbuka itu sangat meriah.
Subjek : _____

Predikat : _____


4 *Lihat bahan di bawah dengan teliti.*
Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** *bandingan semacam yang sesuai.*





(i) _____





(ii) _____

Bahan 3

Syair Guru Berjasa

Dengarlah tuan syair kukarang,
Idea lemah banyak yang kurang,
Alkisah guru pada zaman sekarang,
Menyuluh ilmu jalan pun terang.

Seorang guru banyak berjasa,
Membentuk kita menjadi perkasa,
Bukanlah sekadar lulus periksa,
Nilai-nilai murni dipupuk selesa.

Guru umpama cahaya pelita,
Memantak ilmu kepada kita,
Jasa dan bakti gah diperkata,
Komitmen guru tidak terkata.

Hari Guru meriah disambut,
Jasa mereka selalu disebut,
Raikan guru di majlis tersebut,
Khidmat guru selalu direbut.

Tugas guru sungguh mencabar,
Menuntut mereka banyak bersabar,
Silap langkah di mahkamah dicabar,
Pelbagai tuduhan cuba dilempar.

Kejayaan kita kerana guru,
Andai dikenang terbit terharu,
Gemilang diraih terbit cemburu,
Guru pembentuk wajah baharu.

Guru pembina negara bangsa,
Melahirkan insan watak perkasa,
Seyogia kita kenanglah jasa,
Tanpa guru negara binasa.

Cukuplah sudah syair bestari,
Perihal guru yang bijak jauhari,
Madah kukarang tidak berseri,
Ampun dan maaf kususun jari.

Pauzi Mohd Isa
Bidor, Perak
Dewan Siswa, Bil. 05/2018

(a) Berdasarkan Bahan 2 dan Bahan 3, nyatakan cara murid menghargai jasa guru. [3 *markah*]

_____

_____

_____

(b) Nyatakan **dua** persoalan yang terdapat dalam Bahan 1. [3 *markah*]

_____

_____

_____

BAHAGIAN C

[15 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memartabatkan permainan tradisional**. *Panjangnya ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 100 patah perkataan**. *Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Negara kita kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional seperti congkak, gasing, batu seremban, dan sebagainya. Permainan ini diamalkan oleh masyarakat dahulu sebagai pengisi masa lapang. Namun demikian, permainan tradisional tidak lagi menjadi kegemaran generasi muda yang terdedah kepada peralatan telekomunikasi yang mengasyikkan. Jika hal ini dipandang enteng, budaya permainan tradisional pasti lenyap ditelan zaman. Sebelum nasi menjadi bubur, pihak kerajaan perlu mencari pendekatan yang pragmatik bagi meninggikan martabat permainan tradisional di negara kita.

Antara usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan termasuklah mempromosikan permainan tradisional menerusi saluran media massa dan media cetak seperti surat khabar, televisyen, dan Internet. Sebagai contohnya, artikel tentang permainan tradisional perlu dipaparkan dalam surat khabar pada setiap minggu. Info tentang cara pembuatan dan aktiviti permainan haruslah disertakan dalam artikel tersebut. Dengan cara ini, permainan tradisional dapat diperkenalkan kepada masyarakat, khususnya generasi muda dengan mudah.

Dalam usaha mengekalkan tradisi rakyat ini, kerajaan haruslah menyediakan lebih banyak tempat atau gelanggang permainan tradisional dan menyediakan jurulatih di setiap gelanggang yang telah disediakan. Dengan adanya jurulatih ini, masyarakat dapat menerima latihan yang betul tentang sesuatu permainan tradisional itu dan berupaya mengajarkan pengetahuan yang diperoleh mereka itu kepada anak-anak mereka pula.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia turut memperuntukkan seni, warisan, dan budaya dalam aktiviti kokurikulum. Rentetan daripada itu, pihak sekolah digalakkan menubuhkan kelab atau persatuan yang bercirikan permainan tradisional. Dengan itu, murid boleh belajar tentang cara membuat, cara bermain, dan mengetahui syarat-syarat bermain sesuatu permainan tradisional. Setelah mengetahui secara mendalam tentang sesuatu permainan itu, murid akan berminat untuk melibatkan diri dalam permainan tradisional tersebut.

Usaha yang terakhir, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia atau kerajaan negeri perlulah lebih kerap menganjurkan festival, pertandingan, dan kempen bagi mengetengahkan permainan tradisional. Melalui proses tersebut, permainan tradisional boleh menjadi lebih popular di merata-rata tempat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Usaha Kerajaan Memartabatkan Permainan Tradisional',
Dewan Siswa, BIL. 01/2021

BAHAGIAN B

[30 *markah*]

Lihat gambar dan maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian **pilih satu daripada tiga soalan** *yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **tidak kurang daripada 180 patah perkataan.**



1 Anda telah menyertai karnival sukan dan permainan di sekolah.
Perihalkan pengalaman anda semasa menyertai karnival tersebut.

2 Tulis sebuah cerita yang bermula dengan petikan di bawah:

Baru-baru ini sekolah aku telah mengadakan karnival sukan dan permainan. Setiap rumah sukan dikehendaki menghantar wakil bagi menyertai karnival ini. Aku dan rakan-rakan sangat…..

3 Hasilkan sebuah cerita yang berakhir dengan petikan di bawah:

….. Aku pulang dengan perasan gembira dan bangga walaupun tidak mendapat johan. Aku berazam untuk merangkul kejuaraan pada tahun hadapan. Karnival sukan dan permainan seperti ini perlu terus diadakan pada setiap tahun di sekolah agar dapat melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: UPSA T1–3

Tingkatan 1

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Folder ikut tingkatan: BM, English, Sejarah, Matematik, Sains, Geografi
- UPSA BM 2026 SMK Bako (K1, K2, K3)
- UPSA Sejarah 2026 Kepala Batas T1 & T3 + skema

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/upsa-tingkatan-1-3 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar